



**EDISI KETIGA**

# **BULETIN PPTD**

**EDISI DISEMBER 2023**

## **KUNJUNGAN HORMAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF PPTD TOASTMASTERS CLUB OF PUTRAJAYA**

Barisan Jawatankuasa Eksekutif PPTD Toastmasters Club of Putrajaya (PPTD TMC) yang diwakili oleh Toastmaster (TM) Intan Masyitah Mohd Murad, Presiden PPTD TMC bersama-sama TM Nur Fazlina Fadzil selaku Mantan Presiden, TM Lim Kien Ping, Timbalan Presiden (Perhubungan Awam) dan TM Nur Azza Hj. Abdul Aziz, Setiausaha telah mengadakan kunjungan hormat kepada Dr. Tan Awang Besar, Jawatankuasa Hal Ehwal Profesionalisme PPTD Malaysia di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pada 4 September 2023.



Sesi ini telah membincangkan perancangan kelab PPTD TMC bagi penggal 2023-2024 mulai Julai 2023 sehingga Jun 2024 serta mendapatkan pandangan dan nasihat Dr. Tan tentang peranan PPTD TMC dalam menyebarluaskan manfaat kepada ahli PPTD dan komuniti secara amnya.

## **TAKLIMAT PENINGKATAN PROFESIONALISME “ELEVATE YOUR CAREER THROUGH POSTGRADUATE STUDIES IN UITM”**

Program Taklimat Peningkatan Profesionalisme Pegawai PTD Wilayah Sarawak telah diadakan pada 8 September 2023 secara bersemuka (fizikal) dan secara maya (dalam talian) bagi menyebarluas mengenai program-program Pascasiswazah (*Postgraduate*) yang ditawarkan oleh UiTM Cawangan Sarawak kepada ahli PPTD dan meningkatkan pengetahuan PPTD dalam program-program Pascasiswazah ini.



## **Sidang Redaksi**

**Penasihat**  
Datuk Seri Isham Ishak

**Ketua Editor**  
Dr Tan Awang Besar

**Editor**  
Dr Norazam Mohd Noor  
Dr Razul Ikmal Ramli  
Dr Yap Hock Ann

**Pereka Grafik**  
Taufiq Asma'i Mansur

Taklimat tersebut telah disampaikan oleh tiga (3) orang pensyarah daripada UiTM Cawangan Sarawak iaitu Prof. Madya Dr. Ellen Chung Siew Mee, Dr. Nur Aida Kipli dan Dr. Johari bin Abdullah. Di dalam taklimat tersebut pihak UiTM Cawangan Sarawak telah membentangkan program-program Pascasiswazah (*Postgraduate*) yang ditawarkan oleh pihak UiTM Cawangan Sarawak dan sesi soal jawab bersama peserta taklimat. Seramai 27 orang peserta telah hadir untuk sesi kali ini termasuk secara bersemuka dan secara dalam talian.



## KEMBARA HARI MALAYSIA PPTD WILAYAH SARAWAK TAHUN 2023

Program Kembara Hari Malaysia PPTD Wilayah Sarawak Tahun 2023 telah diadakan pada 12 September 2023. Sesi perasmian dan *Flag Off* telah disempurnakan di Lobi Bangunan Sultan Iskandar, Kuching oleh En. Banges Munga, Timbalan Setiausaha Persekutuan Sarawak mewakili Pengurus PPTD Wilayah Sarawak. Seramai 20 orang peserta PPTD Wilayah Sarawak dari pelbagai agensi/jabatan Persekutuan di Sarawak telah menyertai program penyerahan bendera secara berkonvoi menggunakan kereta dan motosikal kepada enam (6) agensi/jabatan termasuk Jabatan Penyiaran Sarawak, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Negeri Sarawak, INTAN Kampus Sarawak (INSARA) dan Rumah Seri Kenangan, Kuching.

Sesi penyerahan sumbangan bantuan berbentuk makanan kering dan barang harian pula melibatkan Rumah Seri Kenangan, Kuching juga turut dimasukkan sebagai salah satu aktiviti di dalam program ini selain menyerahkan bendera Malaysia. Program ini merupakan acara tahunan PPTD Wilayah Sarawak dalam usaha menyemaikan semangat patriotik di kalangan penjawat awam dan menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan setiap tahun.



## PENYERAHAN VAN JENAZAH PPTD

Penyerahan Van Jenazah PPTD oleh Puan Dayang Ratna Wati Abang Hassim, Setiausaha Eksekutif PPTD kepada Tuan Muhammad Akhir Ayub, selaku Wakil Jawatankuasa Surau Al-Firdaus pada 14 September 2023, bertempat Di Rumah Kelab PPTD, 515 Persiaran Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur.

Inisiatif ini diharap dapat dimanfaatkan oleh ahli-ahli PPTD yang memerlukan perkhidmatan van jenazah sewaktu kecemasan





## PROGRAM BERKALA PPTD TMC : *UNITY IN DIVERSITY*

Program berkala kali ke-112 PPTD TMC diadakan pada 14 September 2023 dengan mengangkat tema “*Unity in Diversity*” sempena sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2023. Program ini diadakan secara bersempena di Rumah PPTD, Presint 10, Putrajaya dan sarat dengan perkongsian mengenai nilai-nilai murni serta perpaduan rakyat Malaysia yang diraikan bersama.



## PROGRAM PPTD MALAYSIA DAY DIVE 2023

Program PPTD Malaysia Day Dive 2023 merupakan program yang dirancang sempena Sambutan Hari Malaysia ke-60 yang diadakan dari 28 September – 1 Oktober 2023 bertempat di Pusat Taman Laut (PTL) Redang. Program ini melibatkan seramai 20 orang peserta terdiri daripada 16 orang ahli PPTD berdaftar dan tambahan 4 orang peserta yang merupakan pasangan kepada ahli PPTD.

Sepanjang program, sebanyak 8 (lapan) kali selaman telah berjaya dilaksanakan di tapak-tapak selaman seperti Pusat Taman Laut Redang - Corn Wreck, JTLM House Reef Cheese Block, Lang Tengah - PPTD Aircraft Reef, Teluk Dalam, Pasir Akar, Pulau Cupak, Che Isa, Teluk Mat Simpan. Sewaktu selaman di tapak PPTD Aircraft Reef yang terletak di Pulau Lang Tengah, para peserta telah mengibarkan bendera Malaysia dan bendera PPTD di kawasan kapal terbang sebagai simbolik sambutan Hari Malaysia ke-60. Program ini telah berjaya menarik penyertaan beberapa penyelam baru yang pertama kali menyertai program anjuran PPTD. Sepanjang program ini berlangsung, seramai 2 (dua) orang peserta telah berjaya memperoleh lesen selaman peringkat Advance Open Water (OWD) dan 4 (empat) orang peserta memperoleh kepakaran menyelam Nitrox.





## **PROGRAM BERKALA PPTD TMC: *LET'S GIVE PEACE A CHANCE***

Program Berkala kali ke-113 diadakan pada 5 Oktober 2023 dengan tema “*Let’s Give Peace a Chance*” secara dalam talian berfokus kepada topik keamanan dan kehidupan harmoni dalam setiap ucapan dan perkongsian yang dibicarakan.

## **PROGRAM BERKALA PPTD TMC: SHOW ME THE MONEY**

Program berkala kali ke-114 diadakan secara dalam talian pada 12 Oktober 2023 bersempena musim bajet dan pembentangan Belanjawan 2024 yang dijadualkan pada 13 Oktober 2023. Program pada kali ini membawa tema "Show Me The Money", dengan perkongsian berkisarkan hal ehwal kewangan.



## **GOLF AMAL ERAT KERJASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN, NEGERI**

Kejohanan Golf Amal Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah telah berlangsung pada 14 Oktober 2023, bertempat di Sutera Harbour Marina, Golf & Country Club Kota Kinabalu. Bertindak sebagai Pengurus Jawatankuasa program iaitu, Datuk Makhzan Mahyuddin yang juga merupakan Setiausaha Persekutuan Sabah merangkap Presiden PPTDSL. Kejohanan ini bertujuan mengeratkan hubungan kerjasama antara pegawai-pegawai kerajaan persekutuan, negeri dan swasta.

Seramai 128 peserta telah menyertai kejohanan tersebut dan sebanyak RM30,000 telah berjaya dikumpul melalui kutipan bayaran penyertaan kejohanan yang kemudiannya diserahkan kepada Pengurus Yayasan Nur Jauhar, Datuk Al Hambra Tun Juhar. Kejohanan turut dihadiri Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Dr. Joachim Gunsalam selaku Pengurus Jawatankuasa Induk Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Yang Ke-70 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Sr. Safar Untong dan Timbalan Speaker, Datuk Richard Yong We Kong.



## **THE G.R.E.A.T CIVIL SERVICE : MEMBINA JALINAN HUBUNGAN, MEMACU KEBERHASILAN ERA MADANI**

PPTD Wilayah Timur dengan Kerjasama Intan Kampus Wilayah Timur (INTIM), PSUK Terengganu, PSUK Pahang dan PSUK Kelantan menganjurkan Seminar bertajuk "The G.R.E.A.T Civil Service : Membina Jalinan Hubungan, Memacu Keberhasilan Era Madani" pada 18 Oktober 2023 bertempat di Paya Bunga Hotel Terengganu. Seminar ini bertujuan memperkuatkan jalinan hubungan kerja perkhidmatan dan kepimpinan dalam kalangan Pegawai Tadbir Negeri dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

Program ini telah dirasmikan oleh Datuk Dr. Alauddin bin Sidai, Pengarah INTAN, Antara ahli-ahli panel program adalah Dato'Seri Tengku Farok Hussin Bin Tengku Abdul Jalil (SUK Terengganu), Tan Sri Khalid Bin Ramli (*Chairman, Penang Bumiputera Development Council*) dan Dato' Haji Mohd Faudzi bin Haji Che Mamat (Mantan SUK Kelantan).





# EDISI KETIGA BULETIN PPTD

EDISI DISEMBER 2023

## LAWATAN KE RUMAH KELAB PPTD

Lawatan ke Rumah Kelab PPTD telah dilakukan oleh Datuk Seri Hasnol Zam Zam Haji Ahmad, Pengurus Jawatankuasa Rumah Kelab PPTD ke Rumah Kelab PPTD, 515 Persiaran Sultan Salahuddin pada 25 Oktober 2023.

Lawatan ini bertujuan untuk meninjau projek baik pulih bumbung dan bilik mesyuarat Rumah Kelab PPTD yang telah mengalami kerosakan teruk. Lawatan ini dirungi oleh Puan Dayang Ratna Wati Abang Hassim, Setiausaha Eksekutif PPTD dan wakil urusetia.



## PROGRAM BERKALA PPTD TMC: ONCE UPON A TIME

Program berkala kali ke-115 pada 26 Oktober 2023 dijalankan dengan perkongsian mengenai cerita pendek, kisah hikayat dan sains fiksyen yang membawa pengajaran sebagai teladan, seiring tema "Once Upon A Time". Program pada kali ini turut diserikan dengan pertandingan pakaian bertema, dan anugerah pakaian terbaik telah dimenangi oleh Toastmaster M Hilman Hisham dari Cyberjaya Community Toastmasters Club dan Toastmaster Ina Tisha Merican Din Merican.





## PENGHANTARAN BARANGAN BANTUAN KEMANUSIAAN KE PALESTIN

Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) turut terlibat dalam misi bantuan ke Gaza melalui misi Kementerian Luar Negeri (KLN). KLN berterima kasih kepada rakyat Malaysia yang telah menyalurkan sumbangan untuk membantu rakyat Palestin melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP). Sehingga 28 Oktober 2023, jumlah sumbangan yang telah diterima oleh pihak AAKRP adalah RM23 juta. Ia termasuk dana yang telah diterima daripada syarikat korporat yang menjanjikan sumbangan sewaktu Majlis Penyampaian Sumbangan Tabung AAKRP pada 19 Oktober 2023 di Sri Perdana.

Kempen Ops Ihsan dari 21 dan 22 Oktober telah berjaya menarik lebih 40 pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) tempatan. Penghantaran pertama barang kemanusiaan ini dihantar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Al Arish melalui penerbangan kargo sewaan khas pada 3 November 2023 atas pembiayaan Kerajaan Malaysia. Penghantaran berikutnya adalah melalui laut ke Bandar Ismaliyah, Mesir.





## PROGRAM BERKALA PPTD TMC : *LET THERE BE LIGHT*

Bersempena dengan perayaan Deepavali yang diraikan pada 12 November 2023, tema "Let There Be Light" dipilih bagi program berkala kali ke-116 yang diadakan pada 9 November 2023. Program ini diserikan dengan hiasan dan juadah ringan berkonsepkan perayaan tersebut. Pertandingan pakaian bertema ini telah dimenangi oleh TM Khadijah Ishak.



## PROGRAM BERKALA PPTD TMC: *COME RAIN OR SHINE*

Program berkala kali ke-117 telah diadakan pada 23 November 2023. Program ini merupakan edisi khas maraton pengucapan awam ("Speakathon") dengan tema "Come Rain or Shine", yang menyaksikan enam ahli PPTD TMC menyampaikan ucapan serta penilaian oleh enam panel penilai. Edisi khas ini juga merupakan platform latihan untuk bersedia bagi pertandingan pengucapan awam Toastmasters.





## CLUB OFFICERS TRAINING 2

Selepas Club Officers Training (COT) 1 pada 30 Julai 2023, Toastmasters Leadership Institute (TLI), COT 2 pula diadakan pada 26 November 2023 di Asia Pacific University (APU), Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Program latihan ini bertujuan untuk memperkasakan kemahiran barisan Jawatankuasa Eksekutif kelab-kelab *Toastmasters* untuk memimpin dan mengemudi kelab dengan lebih berkesan, melalui sesi pembentangan dan perkongsian amalan terbaik dalam menguruskan kelab.



## PROGRAM JUALAN RAHMAH PPTDSL

Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan (PPTDSL- Biro Wanita dan Ekonomi) telah menganjurkan Program Jualan Rahmah (PJR) 1.0 PPTDSL pada 1 Disember 2023 yang merupakan hasil kerjasama strategik bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup Negeri Sabah (KPKPS) dan Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu.

Objektif program ini adalah untuk membolehkan warga KPKPS khususnya Penjawat Awam Persekutuan dan orang awam mendapatkan barang keperluan harian dengan penjimatan harga sehingga 30% lebih murah daripada harga biasa pasaran setempat serta berpeluang mendapatkan perkhidmatan saringan kesihatan secara percuma pada hari program tersebut diadakan. Antara mereka yang turut hadir memberi sokongan adalah Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, para ahli PPTDSL dan para penjawat awam Persekutuan serta orang awam yang mendapatkan perkhidmatan di KPKPS.





## **PROGRAM KASIH PRIHATIN NEGERI TERENGGANU PERINGKAT DAERAH KUALA NERUS**

PPTD Cawangan Terengganu telah mengadakan Program Kasih Prihatin Negeri Terengganu pada 2 Disember 2023 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri, Kuala Nerus. Program telah dirasmikan oleh Tuan Haji Abdul Kahar bin Haji Abdul Latif, Pengarah Pembangunan Negeri Terengganu, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi PPTD. Program ini adalah salah satu inisiatif dan juga komitmen Kerajaan dalam memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat adalah secara menyeluruh bagi setiap individu dalam masyarakat khususnya di Negeri Terengganu.

Seramai 100 peserta yang berdaftar dalam sistem eKasih dalam kategori Miskin dan Miskin Tegar telah diraikan dalam program kali ini. Kesemua mereka menerima Bakul Kasih sumbangan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). Selain itu, program Jom Belajar Bahasa Melayu dan Matematik juga turut dilaksanakan, melibatkan 100 orang pelajar tingkatan lima, Kuala Nerus bagi memperkasakan mereka menjelang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang bakal tiba.





## **INTERNATIONAL SPEECH AND EVALUATION CONTEST CLUB LEVEL**

Setiap tahun, Toastmasters International menganjurkan pertandingan pengucapan awam “International Speech and Evaluation” (ISE). Peringkat tertinggi pertandingan ini ialah di persada antarabangsa, dan peserta-peserta yang bertanding merupakan orator terbaik mewakili lokaliti masing-masing. Saringan bagi pertandingan ini dimulakan di peringkat kelab dan “International Speech and Evaluation Contest Club Level 2023-2024” bagi PPTD TMC telah diadakan pada 14 Disember 2023.

Pertandingan pada tahun ini menyaksikan persaingan sengit antara enam orang peserta bagi setiap kategori yang dipertandingkan iaitu “International Speech Competition” dan “Evaluation Contest”. Keputusan bagi pertandingan pada tahun ini bagi kategori *International Speech Competition* dimenangi oleh *Distinguished Toastmaster* (DTM) Dr. Wan Farisan Wan Sulaiman (Johan), TM Rosizham Hamdan (Naib Johan) dan TM Nuraini Saiful Ahmad (Tempat Ketiga). Bagi kategori Evaluation Contest pula dimenangi DTM Dr. Wan Farisan Wan Sulaiman (Johan), TM Khadijah Ishak (Naib Johan) dan TM Rosizham Hamdan (Tempat Ketiga). Dua orang peserta terbaik bagi setiap kategori ini akan mewakili PPTD TMC ke pertandingan ISE peringkat kawasan (Area J5) pada 24 Februari 2024 di Heriot-Watt University Malaysia, Putrajaya.



## **FORUM PUBLIC SERVICE DELIVERY SYSTEMS: MAKING IT MORE EFFICIENT AND EFFECTIVE**

Persatuan Pekrhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) melalui Exco Hal Ehwal Profesional telah terlibat dalam pengajian forum 3 bersama dengan Persatuan Alumni PTD dan INTAN pada 4 Disember 2023 bertempat di INTAN Bukit Kiara. Forum ini telah dihadiri 120 peserta termasuk wakil PPTD. PPTD juga terlibat sebagai pelapor forum dan pengacara majlis.

Forum ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil, Menteri Komunikasi dan Digital. Forum ini dimudahkan oleh Datuk Seri Mustafa Mohamad, mantan Menteri MITI manakala ahli-ahli panel terdiri daripada Datuk Rodzi bin Md Saad, Ketua Pengarah MAMPU, Tan Sri Yong Poh Kon, Pengurus Royal Selangor International Sdn. Bhd. dan YM Tunku Zain Al-Abidin Ibni Tuanku Mukriz, Pengurus IDEAS.





## MAJLIS MAKAN MALAM SUMBANGAN KASIH YAYASAN DAN ALUMNI PTD

PPTD turut menghadiri Majlis Makan Malam Sumbangan Kasih Yayasan dan Alumni PTD pada 13 Disember 2023 bertempat di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC). YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah hadir sebagai tetamu kehormat. Datuk Isham bin Ishak, Presiden PPTD turut hadir memeriahkan majlis bersama beberapa Exco PPTD yang berkelapangan.



## PROGRAM BERKALA PPTD TMC PADA 10 OGOS 2023 DAN 24 OGOS 2023

Program PPTD Wilayah Sarawak Cares telah mengadakan sesi lawatan dan pemberian sumbangan kepada Sarawak Children's Cancer Society (SCCS) Tahun 2023 pada 21 Disember 2023 bertempat di Taman Desa Wira, Batu Kawa, Kuching. Program ini diadakan dengan kerjasama PPTD Wilayah Sarawak dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS). PPTD Wilayah Sarawak diketuai oleh Encik Valentine anak Gabriel Bain dan ahli-ahli PPTD Wilayah Sarawak, manakala Pejabat SUPS telah diwakili oleh Puan Norhaizum binti Sahril. Program ini bertujuan memupuk kesedaran dalam kalangan ahli PPTD dalam menjalankan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan golongan yang memerlukan.

Pihak PPTD Wilayah Sarawak dan Pejabat SUPS telah menyerahkan sumbangan berbentuk sumbangan wang dan barang kering dari senarai 'Wishlist' organisasi tersebut. Wakil dari pihak SCCS pula telah memberikan sedikit taklimat mengenai perkhidmatan yang disediakan terutama kepada kanak-kanak yang menghidapi penyakit cancer serta perkhidmatan kepada ahli keluarga mereka.





## LAPORAN KEMAJUAN RUMAH PPTD

Status semasa projek pembangunan Rumah Kelab PPTD mempelihatkan kemajuan yang positif. Apabila siap nanti, ahli-ahli PPTD boleh memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan di rumah kelab ini. Rumah Kelab PPTD Putrajaya ini bakal menyediakan kemudahan pejabat Sekretariat PPTD, dewan, bilik-bilik mesyuarat dan gimnasium berserta bilik persalinan. Kemudahan lain termasuklah restoran dua tingkat, *indoor shooting range*, bilik-bilik penginapan bagi kemudahan ahli PPTD dari luar Putrajaya.





## PROGRAM-PROGRAM PPTD TMC BAGI TEMPOH JANUARI 2024 - JUN 2024

Dalam membentuk PTD yang matang dan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, PPTD TMC adalah platform terbaik khususnya kepada PTD muda. PPTD TMC dibawah Exco Hal Ehwal Profesionalisme banyak mengadakan program-program bagi merealisasikan hasrat melahirkan pegawai-pegawai yang bukan sahaja mahir dalam Bahasa Inggeris tetapi juga dapat memantapkan aspek kepimpinan.

Maklumat lanjut mengenai PPTD TMC boleh didapati dengan melayari platform *Facebook* / *Linktree* PPTD TMC atau menghubungi TM Nurain Saiful Ahmad, Timbalan Presiden (Keahlian) di +6011-54056032 atau TM Lim K. Ping, Timbalan Presiden (Perhubungan Awam) di +6016-6686727.



## INISIATIF PENERBITAN

Sebuah naskah kompilasi ucapan yang disampaikan oleh ahli-ahli PPTD TMC dalam mesyuarat berkala/ program PPTD TMC sedang diusahakan oleh Jawatankuasa Eksekutif PPTD TMC. Kompilasi ini yang dinamakan “*The Orations: PPTD TMC Assortment*” merupakan wadah perkongsian pengalaman dan nasihat, yang diharapkan dapat memberi inspirasi dan motivasi kepada pembaca untuk terus berusaha menjadi pemimpin yang unggul dan komunikator berkesan. Kompilasi ini akan diterbitkan dalam bentuk e-book pada Jun 2024.

**CALLING FOR SUBMISSION**

**The Orations:  
PPTD TMC Assortment**

A compilation of speeches delivered in PPTD Toastmasters Club meetings.

Share the write-up of your oration and be part of this inspiring collection.

Your words could inspire and motivate growth as effective leaders and communicators.

Scan the QR Code to access the speech template

\*\* Submit your speeches in Words format via Whatsapp to Ina Tisha Merican Din Merican at +6016-2227232 by 30 April 2024

PPTD TOASTMASTERS CLUB OF SURABAYA DISTRICT 3 ASIA OC



## SEKALUNG PENGHARGAAN & TAHNIAH



### KENYATAAN MEDIA PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK MALAYSIA (PPTD)

TAHNIAH KENAIKAN PANGKAT  
YBHG. DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ  
SEBAGAI KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
YANG KE-27

Saya dan barisan EXCO Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD) ingin merakam ucapan syabas dan tahniah kepada YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlal Bin Haji Abdul Aziz atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Jabatan Perkhidmatan Awam yang ke-27.

Kami yakin dengan pengalaman, kredibiliti dan komitmen yang dimiliki oleh YBhg. Dato' Sri merupakan suatu kelebihan untuk meneruskan kecemerlangan dalam usaha membangun dan mentadbir urus sektor awam Negara.

Kami, seluruh warga PPTD akan memberikan sepenuh kerjasama kepada YBhg. Dato' Sri terutama dalam isu-isu kebajikan, profesionalisme dan kesejahteraan Penjawat Awam di Malaysia amnya dan PTD khususnya.

Kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dato' Seri Dr. Zulkapli bin Mohamed di atas segala khidmat bakti sepanjang perkhidmatan sebagai KPPA.

DATUK SERI HJ. ISHAM BIN ISHAK  
PRESIDEN PPTD  
8 JANUARI 2024





## SEKALUNG PENGHARGAAN & TAHNIAH

Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Dr Norazam Md Noor atas kejayaan menerima dua anugerah penulisan. Pertama Anugerah Buku Negara 2023 bagi kategori Buku Sains Politik Terbaik. Kedua Anugerah MAPIM-KPT bagi kategori Buku Ilmiah Bahasa Melayu Terbaik. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada 22 Disember 2023 bertempat di Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur.

Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa Hal Ehwal Profesionalisme PPTD yang membantu dalam penyediaan Buletin PPTD dan TINTA PTD. Kejayaan ini harus menjadi pencetus semangat kepada rakan-rakan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) lain.

Kejayaan ini juga boleh menjadi motivasi kepada rakan-rakan bagi menyahut cabaran yang sama dengan menghasilkan penulisan dan buku-buku berkualiti mengikut bidang kepakaran masing-masing. TAHNIAH!





## **"PERSATUAN KITA, TANGGUNGJAWAB KITA"**

[www.pptd.my](http://www.pptd.my)

Februari 2023. Copyright© 2023, Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik, Hak Cipta Terpelihara

**BULETIN EDISI KHAS 2023**

PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK